

MUSLIM STUDENTS' PERCEPTION TOWARDS HALAL REGULATIONS AND THE IMPORTANCE OF HALAL LOGO IN CHOOSING THE FOOD PRODUCTS IN UITM SARAWAK

PERSEPSI PELAJAR MUSLIM UITM CAWANGAN SARAWAK TERHADAP UNDANG-UNDANG HALAL DAN KEPENTINGAN LOGO HALAL DALAM PEMILIHAN PRODUK MAKANAN

Ikhwan Naguib Jusohⁱ, Muhammad Fikri Othmaniⁱⁱ, W Fatimah Hanun Wan Mohamad Saferdinⁱⁱⁱ & Izyan Farhana Zulkarnain^{iv}

ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Sarawak, Kampus Mukah. ikhwannaguib@uitm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan. muhammad300@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan. hanun@uitm.edu.my

^{iv} Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan. izyanfz@uitm.edu.my

Abstract	<p><i>Nowadays, Muslims are very particular in choosing foods with halal logo and foods that comply with the Shari'ah law. It is because there are so many food products and restaurants that offer the products without halal logo. These products and restaurants utilize phrases such as, 'pork free' or 'no pork', which can mislead their Muslim customers. As such, this research was conducted in order to identify the Muslim students' perception towards halal regulations and the importance of its logo in choosing the food products in UiTM Sarawak. This research adopted a quantitative method by distributing the electronic questionnaires among UiTM Sarawak Muslim students. A total of 955 Muslim students were involved and they were from three UiTM campuses across Sarawak; one campus in Mukah and another two campuses in Samarahan. In addition to that, this research also focused on the Malaysian regulations relating to the halal certification and marking according to the Trade Descriptions (Certification and Marking of Halal) Order 2011. The questionnaires were divided into several sections; questions related to the respondent demography as well as the questions related to the understanding of halal regulations and certification. The result of this research is essential to explore the Muslim students' perception towards food products with halal logo in UiTM Sarawak and eventually, this effort will increase their awareness and confidence in halal foods.</i></p> <p><i>Keywords: Halal, Logo, Regulations, Students', Perception.</i></p>
Abstrak	<p><i>Pemilihan makanan berlogo halal dan mematuhi syariah adalah sangat dititikberatkan dalam kehidupan seharian setiap muslim. Lebih-lebih lagi terdapat lambakan produk makanan dan restoran yang menawarkan produk makanan yang tidak mempunyai logo halal tetapi memaparkan 'Pork Free' atau 'No Pork' boleh mengelirukan para pengguna muslim. Oleh itu kajian ini dilakukan bagi mengetahui persepsi pelajar muslim UiTM Cawangan Sarawak</i></p>

terhadap undang-undang halal dan kepentingan logo halal dalam pemilihan produk makanan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik secara elektronik dikalangan pelajar muslim di UiTM Cawangan Sarawak. Seramai 955 orang pelajar muslim UiTM Cawangan Sarawak terdiri daripada 3 kampus iaitu UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan dan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2 telah terlibat dalam kajian ini. Selain itu, kajian ini juga melihat dari sudut undang-undang di Malaysia mengenai pensijilan dan logo halal menurut Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan) Halal 2011. Borang soal selidik dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu soalan berkaitan demografi responden, soalan berkaitan kefahaman undang-undang halal dan soalan berkaitan dengan kefahaman undang-undang logo halal. Hasil keputusan akan menunjukkan tahap kefahaman pelajar muslim terhadap undang-undang halal dan undang-undang halal berkaitan logo halal dalam pemilihan produk makanan. Kajian ini adalah sangat penting untuk menerokai persepsi pelajar muslim UiTM Cawangan Sarawak terhadap produk makanan yang mempunyai logo halal dan seterusnya secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran dan keyakinan terhadap makanan halal.

Kata Kunci: Logo, Halal, Undang-undang, Persepsi, Pelajar.

PENDAHULUAN

Isu halal dan haram sering diperkatakan memandangkan lambakan produk berasaskan makanan dan restoran menyajikan makanan kepada pengguna termasuk pengguna muslim. Kekeliruan tentang kesahihan logo halal dan ada juga restoran mempamerkan papan tanda 'Pork Free' atau 'No Pork' pasti menambah keraguan dikalangan pengguna muslim di Malaysia. Sesungguhnya ajaran Islam telah menggariskan bahawa setiap umatnya wajib memakan makanan daripada sumber yang halal sahaja. Ini dijelaskan dari firman Allah s.w.t di dalam di dalam al-Quran:

"Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi kamu." (al-Qur'an. al-Baqarah: 16)

Islam menganjurkan kepada umatnya supaya memakan makanan yang halal lagi berkhasiat, kerana makanan yang halal lagi berkhasiat bukan sahaja memberi kesan kepada kesihatan tubuh badan, bahkan juga kepada kesucian hati. Jelas di sini, pengguna muslim sedar betapa pentingnya pengambilan makanan halal dapat mempengaruhi ibadah seharian.

Halal merupakan satu istilah yang berasal dari Bahasa Arab yang membawa maksud dibenarkan atau dibolehkan oleh hukum syarak serta mendapat pahala bagi sesiapa yang melakukannya. Manakala kalimah thoyyiban yang berasal dari bahasa Arab pula bermaksud baik dan bersih. Menurut Abang Hasni (2012), makanan halalan thoyyiban merupakan makanan yang diperolehi daripada punca yang halal, selamat serta mampu memperbaiki kesihatan tubuh badan apabila memakannya yang bermaksud makanan dan pemakanan dari sumber yang halal, baik serta selamat untuk meningkatkan taraf kesihatan.

Menurut Samat & Mohd Rodzi (2010), pengguna muslim teragak-agak untuk membeli apa-apa dari premis bukan muslim terutama kedai yang menyajikan makanan walaupun logo halal dipaparkan di premis tersebut. Ini berikutan banyak kes yang timbul melibatkan penipuan logo halal dan seterusnya meningkatkan kesedaran pengguna muslim untuk lebih berhati-hati dalam pemilihan produk makanan.

UNDANG-UNDANG BERKAITAN HALAL

Di Malaysia, undang-undang berkaitan halal telah dikuatkuasakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 melalui perundangan subsidiarinya iaitu Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011

Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 adalah satu undang-undang subsidiari di bawah Akta Perihal Dagangan 2011. Perintah ini telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012 di mana tujuan utamanya adalah untuk mengawalselia perkara-perkara berkaitan pensijilan dan logo halal di Malaysia. Di bawah perintah ini, Perintah 3 hanya membenarkan pihak berkuasa berwibawa iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk memperakukan bahawa mana-mana makanan, barang-barang, atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu adalah halal mengikut Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

Perintah 4 pula memperuntukkan bahawa semua makanan, barang-barang dan perkhidmatan yang berhubung dengan makanan tidak boleh diperihalkan sebagai halal atau boleh dimakan oleh orang Islam kecuali diperakukan sebagai halal oleh pihak berkuasa berwibawa dan ditandakan dengan logo halal. Oleh itu, terdapat dua cara untuk menunjukkan bahawa sesuatu produk itu boleh diperihalkan sebagai halal iaitu mesti ditandakan dengan logo halal dan logo halal tersebut mestilah dikeluarkan oleh JAKIM atau MAIN.

Perintah 5 memberi peruntukan berkaitan perakuan perihal halal bagi makanan dan barang-barang import. Makanan dan barang-barang import yang dipasarkan di Malaysia hanya boleh diperihalkan sebagai halal jika ia mematuhi Perintah 4 atau diperakukan sebagai halal oleh badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM seperti Australian Halal Authority & Advisers, The Halal Catering Argentina, China Islamic Association, The Indonesian Council of Ulama (MUI) dan sebagainya.

Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011

Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 adalah merupakan juga satu undang-undang subsidiari di bawah Akta Perihal Dagangan 2011. Perintah ini telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012 dan tujuan utamanya adalah untuk mentakrif apakah yang dimaksudkan dengan makanan halal di Malaysia mengikut hukum syarak. Menurut perintah 3, produk halal didefinisikan sebagai tidak mengandungi bahagian atau benda daripada binatang yang yang dilarang atau tidak disembelih mengikut hukum syarak dan fatwa, tidak mengandungi najis, tidak memabukkan, tidak mengandungi bahagian atau anggota manusia, tidak beracun atau memudaratkan kesihatan, tidak disedia, diproses atau dikilang menggunakan peralatan yang dicemari najis dan tidak bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa yang tidak halal ketika penyediaan, pemprosesan atau penyimpanan produk tersebut.

Oleh yang demikian, produk makanan hanya boleh diperihalkan sebagai halal jika produk makanan tersebut menepati syarat-syarat di atas. Bagi produk makanan yang tidak memenuhi syarat-syarat di atas adalah tidak boleh diperihalkan sebagai produk makanan halal atau yang boleh dimakan oleh orang Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Responden adalah daripada para pelajar muslim terdiri dari 3 kampus iaitu UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan dan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2. Seramai 955 orang pelajar telah memberi maklum balas terhadap borang soal selidik yang dihebahkan secara elektronik. Borang soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C.

Bahagian A mengandungi tiga soalan berkaitan demografi responden. Bahagian B pula adalah berkaitan dengan kefahaman undang-undang halal yang mengandungi sembilan item. Bahagian C pula berkaitan dengan kefahaman undang-undang logo halal

dengan 8 item yang berkaitan dengan logo halal. Item dibahagian B dan C diukur dengan skala Likert dengan lima pilihan iaitu 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (tidak pasti), 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju). Kebolehpercayaannya kesemua item dibahagian B dan C telah diuji dengan koefisien Cronbach's Alpha. Statistik diskriptif seperti peratus, mod dan purata digunakan bagi menentukan tahap kefahaman responden terhadap undang-undang halal dan undang-undang logo halal. Penentuan kewujudan perbezaan kefahaman terhadap undang-undang halal yang berkaitan dengan logo halal diantara jantina responden pula diuji dengan ujian statistik *Independent t-test*.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Responden

Jadual 1: Diskriptif Statistik Demografi Responden

Demografi	Bilangan	Peratus
Jantina		
Lelaki	296	31
Perempuan	659	69
Peringkat Pengajian		
Diploma	875	91.6
Ijazah Sarjana Muda	80	8.4
Kampus		
Mukah	296	31
Samarahan	172	18
Samarahan 2	487	51
Jumlah	955	100

Jadual 1 di atas memaparkan majoriti yang terlibat di dalam kajian ini adalah pelajar perempuan iaitu seramai 659 orang (69%) dan baki seramai 296 orang (31%) adalah pelajar lelaki. Taburan responden berdasarkan peringkat pengajian pula menunjukkan 91.6% adalah pelajar diperingkat diploma dan hanya 8.4% adalah pelajar dari peringkat Ijazah Sarjana Muda. Selain itu, lebih separuh (51%) daripada responden adalah pelajar dari kampus Samarahan 2. Bagi kampus Mukah dan Samarahan pula masing-masing adalah sebanyak 31% dan 18%.

Ujian Kebolehpercayaan Soal Selidik

Ujian kebolehpercayaan dijalankan untuk memastikan instrumen yang digunakan cukup dipercayai untuk mengukur pembolehubah tersebut. Bahagian B dan C di dalam borang soal selidik kajian ini memerlukan responden memberi respon kepada 17 item yang berkaitan dengan undang-undang halal dan undang-undang halal yang berkaitan dengan logo halal berdasarkan skala Likert lima.

Jadual 2: Analisis Kebolehpercayaan Soal Selidik

Perkara	Bilangan	Cronbach's Alpha
Kefahaman terhadap undang-undang halal	9	0.794
Kefahaman terhadap undang-undang halal (logo)	8	0.700

Jadual 2 di atas menunjukkan nilai koefisien Cronbach's Alpha yang digunakan untuk mengukur item di bahagian B dan C iaitu yang berkaitan dengan kefahaman responden terhadap undang-undang halal dan undang-undang yang berkaitan dengan logo halal. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua nilai koefisien Cronbach's Alpha masing-masing adalah 0.794 dan 0.7 bagi item terhadap kefahaman undang-undang halal dan logo halal. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa item yang digunakan di dalam kajian ini adalah sah dan dapat dipercayai seperti yang dicadangkan oleh Nunally (1978).

Analisis Terhadap Kefahaman Undang-Undang Halal dan Undang-Undang Halal Berkaitan Logo Halal

Interpretasi yang digunakan di dalam kajian ini adalah seperti yang dirumuskan di Jadual 3 di bawah. Analisis tahap kefahaman responden terhadap kefahaman undang-undang halal dan yang berkaitan dengan logo halal adalah berdasarkan interpretasi skor purata seperti berikut.

Jadual 3: Interpretasi Skor Purata

Skor purata	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Jadual 4: Statistik Diskriptif Bagi Item Kefahaman Terhadap Undang-Undang Halal

Item	Kenyataan	Mod	Purata	Tahap
1	Saya merupakan seorang muslim yang patuh kepada ajaran Islam.	403 (42.2%)	4.11	Tinggi
2	Saya tahu kewajipan mencari makanan halal bagi seorang muslim.	734 (76.9%)	4.73	Tinggi
3	Saya sentiasa pastikan sesuatu makanan itu adalah benar-benar halal.	618 (64.7%)	4.59	Tinggi
4	Saya faham mengenai maksud makanan halal.	672 (70.4%)	4.66	Tinggi
5	Saya tahu adanya undang-undang berkaitan halal di Malaysia.	613 (64.2%)	4.56	Tinggi
6	Saya tahu mengenai Akta Perihal Dagangan 2011, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.	401 (42%)	3.25	Sederhana Tinggi
7	Saya akan semak dahulu sama ada makanan tersebut halal ataupun tidak.	611 (64%)	4.55	Tinggi
8	Makanan/Produk yang dijual peniaga muslim sememangnya halal.	361 (37.8%)	3.68	Sederhana Tinggi
9	Saya tidak akan makan makanan yang diberikan oleh rakan bukan muslim jika saya tidak pasti status halal makanan tersebut.	397 (41.6%)	3.99	Sederhana Tinggi
Purata keseluruhan item			4.23	Tinggi

Statistik diskriptif seperti mod, purata dan tahap kefahaman terhadap sembilan item yang berkaitan dengan undang-undang halal di Malaysia dirumuskan di dalam Jadual 4. Secara keseluruhannya, kefahaman responden terhadap undang-undang halal di

Malaysia adalah tinggi dengan skor purata 4.23. Dapatan kajian menunjukkan enam daripada sembilan item yang disenaraikan mempunyai tahap kefahaman yang tinggi dikalangan responden. 76.9% daripada responden tahu akan kewajipan mereka mencari makanan halal bagi seorang muslim dengan skor purata 4.73. Ini membuktikan bahawa responden sedar akan tanggungjawab mereka sebagai seorang muslim.

Selain daripada itu, didapati bahawa 64% daripada responden akan menyemak terlebih dahulu sama ada makanan tersebut halal ataupun sebaliknya. Ini juga membuktikan bahawa responden tidak sewenang-wenangnya mengambil atau memakan terus makanan tersebut tanpa sebarang semakan akan status halalnya. Walaubagaimanapun, tahap kefahaman responden untuk item keenam adalah pada tahap sederhana tinggi dengan skor purata yang terendah iaitu 3.25. Kurang separuh daripada responden, iaitu hanya 42% sahaja yang tahu mengenai Akta Perihal Dagangan 2011, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Oleh itu, dapatlah disarankan supaya pihak-pihak yang berkaitan, terutamanya pensusyarah undang-undang untuk memberi pendedahan tentang akta-akta ini kepada para pelajar.

Jadual 5: Statistik Diskriptif Bagi Item Kefahaman Terhadap Undang-Undang Halal (Logo)

Item	Kenyataan	Mod	Purata	Tahap
1	Saya tahu mengenai JAKIM dan peranannya.	411 (43%)	4.09	Tinggi
2	Saya tahu hanya logo halal yang dikeluarkan oleh JAKIM dan yang diiktiraf oleh JAKIM sahaja sah di Malaysia	456 (47.7%)	4.21	Tinggi
3	Saya tidak keliru dengan logo-logo halal yang terdapat di pasaran Malaysia.	325 (34%)	3.88	Sederhana Tinggi
4	Saya akan memastikan makanan yang dipilih mempunyai logo halal yang diiktiraf oleh JAKIM sahaja.	369 (38.6%)	4.09	Tinggi
5	Produk yang mempunyai logo halal yang tidak diiktiraf oleh JAKIM juga adalah halal.	374 (39.2%)	3.10	Sederhana Tinggi
6	Saya tidak mempunyai masalah untuk membeli produk yang tidak mempunyai logo halal yang diiktiraf oleh JAKIM.	295 (30.9%)	2.76	Sederhana Tinggi
7	Saya yakin produk yang menjadi pilihan keluarga saya selama ini adalah halal walaupun tidak mempunyai logo halal.	302 (31.6%)	2.83	Sederhana Tinggi
8	Saya yakin produk keluaran Muslim/Melayu adalah halal walaupun tidak mempunyai logo halal yang diiktiraf oleh JAKIM.	362 (37.9%)	3.10	Sederhana Tinggi
Purata Keseluruhan Item			4.28	Tinggi

Jadual 5 di atas pula merumuskan statistik diskriptif bagi lapan item yang berkaitan dengan undang-undang berkaitan logo halal di Malaysia. Dapatan kajian melaporkan skor

purata bagi keseluruhan item ialah 4.28 yang menunjukkan tahap kefahaman responden terhadap logo halal adalah tinggi. Walaubagaimanapun, hanya tiga daripada lapan item sahaja mempunyai tahap kefahaman yang tinggi iaitu item pertama, kedua dan keempat dengan skor purata lebih dari 4. Selain itu, dapat juga dilihat kurang separuh daripada responden untuk ketiga-tiga item ini tahu akan peranan JAKIM dan juga logo halal yang hanya diiktiraf oleh JAKIM sahaja. Hanya 38.6% daripada responden akan memastikan makanan yang dipilih mempunyai logo halal yang diiktiraf oleh JAKIM sahaja. Skor purata yang terendah pula iaitu 2.76 dicatatkan oleh item keenam di mana 30.9% daripada responden berpendapat bahawa mereka tidak mempunyai masalah untuk membeli produk yang tidak mempunyai logo halal yang diiktiraf oleh JAKIM. 31.6% daripada responden juga berpendapat bahawa mereka yakin produk yang menjadi pilihan keluarga selama ini adalah halal walaupun tidak mempunyai logo halal.

Analisis Ujian Penentuan Perbezaan Tahap Kefahaman Terhadap Undang-Undang Halal

Analisis lanjutan diteruskan dengan ujian Independent t-test untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan tahap kefahaman antara jantina responden terhadap undang-undang halal dan juga undang-undang berkaitan dengan logo halal.

Jadual 6: Hasil Ujian Independent t-test Bagi Item Di Jadual 4

Jantina	Bilangan	Purata	Nilai Signifikan
Lelaki	296	4.17	0.008
Perempuan	659	4.26	

Dapat dilihat dari Jadual 6 tiada perbezaan skor purata yang ketara antara responden lelaki dan perempuan terhadap kefahaman mereka berkaitan dengan undang-undang halal di Malaysia. Walaubagaimanapun, hasil ujian Independent t-test mendapati bahawa wujud perbezaan skor purata tahap kefahaman undang-undang halal di Malaysia (nilai signifikan < 0.05) diantara responden lelaki dan perempuan.

Analisis Ujian Penentuan Perbezaan Tahap Kefahaman Terhadap Undang-Undang Halal (Logo)

Jadual 7: Hasil Ujian Independent t-test Bagi Item Di Jadual 5

Jantina	Bilangan	Purata	Nilai Signifikan
Lelaki	296	3.60	0.009
Perempuan	659	3.49	

Perbezaan skor purata antara responden lelaki dan perempuan terhadap kefahaman berkenaan logo halal juga tidak ketara, masing-masing mencatatkan skor purata 3.60 dan 3.49. Rumusan dari Jadual 7 juga membuktikan bahawa terdapat perbezaan skor purata tahap kefahaman diantara responden lelaki dan perempuan terhadap undang-undang yang berkaitan dengan logo halal (nilai signifikan < 0.05).

KESIMPULAN

Kajian ini adalah untuk mengetahui persepsi pelajar muslim UiTM Cawangan Sarawak terhadap undang-undang halal dan kepentingan logo halal dalam pemilihan produk makanan. Seramai 955 orang pelajar muslim telah memberi maklum balas terhadap soal selidik ini dan majoritinya adalah terdiri daripada pelajar perempuan dan dari peringkat pengajian diploma. Sebanyak 17 item telah dikemukakan melalui soal selidik untuk mendapat maklum balas untuk mengenalpasti tahap kefahaman para pelajar muslim UiTM

Cawangan Sarawak terhadap undang-undang halal di Malaysia dan juga undang-undang yang berkaitan logo halal dan dapat dirumuskan bahawa adalah sangat tinggi iaitu melebihi skor purata 4. Adalah didapati bahawa faktor sikap dan agama mempunyai hubungan signifikan dalam pemilihan produk makanan yang mempunyai logo halal. Dapat dilihat juga perbezaan skor purata mengikut jantina para pelajar muslim UiTM Cawangan Sarawak.

Secara keseluruhannya melalui dapatan kajian ini menunjukkan persepsi pelajar muslim UiTM Cawangan Sarawak terhadap undang-undang halal dan kepentingan logo halal dalam pemilihan produk makanan amatlah tinggi dan dititiberatkan. Ini dapat dilihat apabila majoriti responden memberi respon bahawa mereka peka dan tahu tentang status logo produk makanan halal dan undang-undang halal dalam soal selidik yang diberikan. Dengan kecanggihan teknologi pada masa kini semua maklumat mengenai undang-undang berkaitan logo halal dan undang-undang halal adalah dihujung jari sahaja seterusnya memberi kesedaran dan keyakinan kepada pengguna muslim di Malaysia.

RUJUKAN

Buku

- Basri Ibrahim Al-Hasanin Al-Azhari. 2009. *Isu-Isu Fiqh Halal & Haram Semasa-Ilmu, Akidah, Syariah Dan Akhlak*. Al-Hidayah Publication, h. 456.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Serdang: McGraw-Hill. Ed. Keempat.
- J. C. Nunnally. 1978. *Psychometric Theory*. New York: McGraw-Hill. 2nd Edition.

Jurnal

- Abdul Wahab, H., & Azhar, A., 2014. *Halalan Tayyiban Dalam Kerangka Perundangan Malaysia*. Kanun, Vol. 26(1): 110-115.
- Abdul Wahab, N., Mohd Shahwahid, F., Ab. Hamid, N., Miskam, S., Syed Ager, S.N., Abdullah, M., Saidpudin, W. 2015. *Undang-Undang Halal Malaysia: Isu dan Cabaran*. World Academic and Research Congress, 122-135.
- Azhar, A., Abdul Wahab, H., & Ahmad, N. 2013. *Produk Makanan Halal: Perspektif Hukum dan Undang-Undang*. Dlm. N. Deurasih, R.A. S H, Mustafa & J. Bakar (Ed.) *Halalan Thoyyiban Perspektif Malaysia*. Selangor, Institut Penyelidikan Produk Halal Universiti Putra Malaysia, 13.
- Samat, A., & Mohd Rodzi, S., 2010. *Persepsi Pelajar Fakulti Pendidikan terhadap Makanan Berlogo Halal*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, 1-8.

Tesis

- Abang Hasni, D., 2012. *Aplikasi Konsep Halal Dalam Kalangan Pengusaha Restoran Melayu di Johor*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup).

Undang-Undang

- Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.
- Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.